

# **UniMAP FT JOHAN PESTA BOLA MERDEKA PIALA DATO AZIZ FADZIL SHEIKH KADIR**

Pada 30 Ogos 2008 ,Pasukan Bola Sepak Senior UniMAP telah layak ke perlawanan akhir setelah menang dengan pasukan Young Star dari Kulim di perlawanan Separuh Akhir pada 23 Ogos 2008 yang lalu. Pasukan UniMAP menurunkan pasukan terbaik untuk menentang musuh tradisi dalam Kejohanan Sukan Staf iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Antara kenamaan yang hadir adalah Dato' Aziz Fadzil Sheikh Kadir dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kulim.

Pada minit ke -15 Pasukan USM telah berjaya membolosi gawang UniMAP. Pada minit ke 25 giliran Pasukan UniMAP memperolehi gol penyamaan menerusi pemain Anas Bin Shahrom. Pasukan UniMAP mengandakan asakan dan memperolehi hasil gol ke - dua pada minit 31 di separuh masa pertama. Jaringan disempurnakan oleh pemain penyerang iaitu Rosmadi. Kedudukan hingga tamat separuh masa pertama UniMAP mendahului USM dengan jaringan 2-1.

Pada separuh masa kedua, permainan agak seimbang dan pada minit ke 75, Che Hussin Man telah berjaya membolosi gawang USM untuk memberi kedudukan selesa kepada UniMAP mendahului pasukan lawan 3-1. Selang 5 minit selepas itu, usaha USM membuatkan hasil apabila berjaya merapatkan jurang dengan jaringan kedua menjadikan kedudukan 3-2. Permainan berakhir dengan kedudukan UniMAP mengalahkan USM dengan jaringan 3-2. Pasukan UniMAP juga medapat juara berganda apabila pemainnya Mohd Rizal Mohd Zain diumumkan Pemain Terbaik Perlawanan Akhir.

Menurut pengurus pasukan UniMAP FT Prof. Madya Mazelan Abd. Hamid, kemenangan ini adalah hasil komitmen semua pihak termasuk pengurusan tertinggi universiti yang banyak memberi sokongan dan galakan terutamanya dari Dato' Naib Canselor sendiri. Kemenangan ini adalah hadiah kepada semua warga UniMAP.